

Bahaya dalang jejas kesaksamaan bebas beragama

Kerajaan mesti tegas selesaikan konflik kalimah Allah elak kedaulatan Islam diganggu gugat

Oleh Kamal Ahmad
mohdkamal@bharian.com.my

ADA tujuh perkara mudarat dimaksudkan bagi merujuk kepada kesan 'Hasil Penerbitan Tak Diingini' yang digariskan berhubung penerbitan seperti ditetapkan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Mengenai penggunaan kalimah Allah dalam penerbitan agama selain Islam, larangan itu disebut dalam klausa 4.1.9 Perkara-Perkara Yang Dilarang - Penerbitan agama selain daripada Agama Islam dilarang menggunakan istilah khusus agama Islam iaitu Allah, Baitullah, Solat dan Kaabah kecuali bagi menerangkan istilah-istilah berkenaan.

Perkara 11 (4) Perlembagaan Negara turut melarang penyebaran ajaran bukan Islam kepada orang Islam di negara ini. Penerbit majalah, akhbar dan risalah lain yang tertakluk kepada permit KDN tahu soal pematuhan ini. Justeru, tindakan mana-mana pihak di kalangan penerbit risalah, majalah atau akhbar agama selain Islam yang mahu atau sudah menggunakan empat kalimah itu pastinya akan mencetuskan persoalan. Antaranya, kenapa penerbit itu sanggup melanggar syarat permit. Kenapa mahu menggunakan istilah itu.

Kenapa sanggup mengetepikan klausa 3 Hasil Penerbitan Tak Diingini. KDN menyebut tujuan Garis Panduan Penerbitan untuk memberi penerangan dan penjelasan kepada Hasil Penerbitan Tak Diingini yang digariskan di bawah Seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 iaitu memudaratkan ketenteraman awam; memudaratkan keselamatan; memudaratkan kemoralan; menggemparkan fikiran orang ramai; berlawanan dengan mana-mana undang-undang; memudaratkan kepentingan awam; dan memudaratkan kepentingan negara bagi mengelak kekeliruan timbul mengenai apa yang boleh dan tidak boleh disiarkan di dalam sesebuah penerbitan.

Lantas, jika ada mana-mana penerbit melanggar garis panduan itu, tindakan tegas boleh dikenakan termasuk membatalkan permit penerbitannya. Tindakan juga boleh dikenakan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Apabila ada 'tindakan mencabar' terutama membatalkan soal agama, maka kejadian membakar dua gereja adalah susulan kesan daripada tindakan awal itu. Tanpa mengetahui status pihak yang cuba membakar gereja di beberapa lokasi kebelakangan ini, tuduhan tetap terarah kepada orang Islam.

Namun dalam semua isu dan konflik di dunia, ada pihak ketiga di sebaliknya. Sama ada pihak ketiga itu bersifat dalang, batu api atau oportunist, kehadiran kelompok ini mesti disertakan dalam siasatan rapi serta tindakan tegas. Siapa dalang dalam rentetan isu ini?

Dibimbangi, ada usaha memburukkan status kebebasan beragama di negara kita yang selama ini sak-



KEHARMONIAN hidup penduduk pelbagai kaum dan agama mesti dipantau dan tidak harus digugat.

sama dan harmoni. Vandalisme terhadap gereja pula dilihat memudahkan pihak tertentu melabelkan umat Islam di sini bersikap ekstrim, dikaitkan kelompok radikal atau mengancam keselamatan penganut agama lain sehingga semua ini mengundang campur tangan luar.

Selepas peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, rakyat kita sebenarnya tidak perlu melalui lagi sejarah hitam. Dengan beberapa gereja mengalami kebakaran, kita berharap itu bukan permulaan kepada permasalahan baru yang akan mengheret menjadi konflik antara kaum di negara ini. Kerajaan mesti tegas membendung susulan kejadian itu yang cuba dilakukan sesiapa saja. Pihak yang cuba bermain api dalam perkara ini mesti dikenakan hukuman berat.

"Parti politik pula jangan menanggung di air keruh dengan membuat kenyataan atau menyatakan pendirian semata-mata mengejar populariti untuk meraih sokongan," kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Shafie Apdal. Beliau berkata, melakukan sesuatu yang popular mungkin bersifat sementara tetapi akibatnya menimpa generasi akan datang.

"Jadi jangan kita memperlekeh atau mengambil mudah masalah pokok. Namun saya yakin Perdana Menteri mempunyai cara untuk mengatasi perkara ini. Kita meletakkan kepercayaan kepada beliau menyelesaikan satu perkara pokok di kalangan umat Islam," katanya.

Persoalan secara logik berhubung penggunaan istilah Allah dalam agama lain ialah kenapa ada pihak berkeras atau bermati-matian mahu berbuat demikian? Apakah ia akan memantapkan pegangan penganut agama itu. Kenapa ada pihak mahu mengorbankan agamanya atau memesong dan menggelirukan pegangan penganutnya dengan menyebut 'tuhan' mereka sebagai Allah? Apakah pegangan penganut agama tertentu begitu le-

INFO

7 Garis Panduan Penerbitan KDN

- Memudaratkan ketenteraman awam;
- Memudaratkan keselamatan;
- Memudaratkan kemoralan;
- Menggemparkan fikiran orang ramai;
- Berlawanan dengan mana-mana undang-undang;
- Memudaratkan kepentingan awam;
- Memudaratkan kepentingan negara bagi mengelak kekeliruan timbul mengenai apa yang boleh dan tidak boleh disiarkan di dalam sesebuah penerbitan.

ma sehingga perlu digunakan kalimah Allah untuk memantapkannya? Jawapan persoalan ini ialah pasti ada agenda tersurat dan tersirat yang memberi 'keuntungan' lebih besar mereka.

Tetapi apabila kalimah Allah digunakan agama lain maka tindakan itu pasti mengelirukan umat Islam terutama generasi muda masa kini dan akan datang. Akan ada yang terpedaya dalam membezakan Allah Yang Maha Esa mengikut ajaran Islam dengan Allah' yang merujuk kepada 'tuhan' lain itu. Isu sekarangpun mencetuskan 'promosi' untuk orang ramai melayari internet mencari laman berkenaan yang ada paparan bahasa Melayu. Inilah antara tujuan 'kecil' daripada keseluruhan 'tujuan utama' tindakan mereka. Apatah lagi, apabila ada alternatif Allah' yang lebih mudah di tempat lain maka ada umat Islam akan terpesong ke sana.

Setiausaha Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, Datuk Syed Ali Alhabshee berharap kejadian itu akan menyebabkan seluruh umat Islam di negara ini bersatu dalam menegakkan kebenaran.

"Hakikatnya, kita beragama Islam dan kita memberi kebebasan

orang lain menganut agama lain. Kalau ini tidak boleh dipertahankan (maka) ada sesuatu tidak kena. Ini satu isu dan perkara besar yang semua pihak mesti melihatnya.

"Bagi saya, pemimpin pembangkang mempolitikkan isu ini (dan) mencari peluang meraih sokongan. (Sebenarnya) bukan dengan cara ini. Kita kluatir negara kita akan hancur sekiranya mereka mengambil kesempatan untuk memainkan isu kalimah Allah ini untuk kepentingan politik mereka.

"Kita nampak ada dua tiga orang (pemimpin parti pembangkang yang bersuara) tapi nampak menyeluruh yang menentang. Kenapa tidak berasa (ada) tanggungjawab untuk mempertahankan isu kalimah Allah ini. Jangan kelirukan isu ini. Jika kita tidak betul-betul pastikan kalimah Allah itu hanya untuk orang Islam maka apa yang terjadi selepas itu jangan kita menyesal," katanya.

Di mana suara dan pendirian pemimpin parti yang mendakwa memperjuangkan Islam dan mempertahankan Melayu? Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, dalam kenyataan disiarkan satu media maya mempersoalkan apakah penggunaan Allah untuk agama lain dibenarkan begitu saja atas konsep kebebasan beragama.

Namun dalam beberapa siri kempen ketika pilihan raya kecil sebelum ini, Pas membenarkan pemimpin bukan Islam parti tertentu membaca potongan ayat Quran. Apakah perbuatan itu satu dakwah (dilakukan orang kafir) atau kempen politik? Apakah ini konsep dakwah dan kebebasan beragama mengikut kaca mata Pas?

Parti Keadilan Rakyat melalui Pengerusi Biro Pemahaman dan Pemantapan Agamanya, Dr Muhammad Nur Manuty, pula menyifatkan penggunaan kalimah Allah oleh masyarakat bukan Islam sebagai satu perkembangan positif dan perlu diterima secara terbuka semua pihak.



Kita nampak ada dua tiga orang (pemimpin parti pembangkang yang bersuara) tapi nampak menyeluruh yang menentang. Kenapa tidak berasa (ada) tanggungjawab untuk mempertahankan isu kalimah Allah ini. Jangan kelirukan isu ini. Jika kita tidak betul-betul pastikan kalimah Allah itu hanya untuk orang Islam maka apa yang terjadi selepas itu jangan kita menyesal"

Datuk Syed Ali Alhabshee
Setiausaha Perhubungan Umno
Wilayah Persekutuan



Jangan kita memperlekeh atau mengambil mudah masalah pokok. Namun saya yakin Perdana Menteri mempunyai cara untuk mengatasi perkara ini. Kita meletakkan kepercayaan kepada beliau menyelesaikan satu perkara pokok di kalangan umat Islam"

Datuk Seri Shafie Apdal
Naib Presiden Umno



Penggunaan kalimah Allah oleh masyarakat bukan Islam sebagai satu perkembangan positif dan perlu diterima secara terbuka semua pihak "

Dr Muhammad Nur Manuty
Pengerusi Biro Pemahaman dan Pemantapan Agama PKR